



MAKLUMAT KEKOSONGAN JAWATAN PENTADBIRAN SIRI 5/2026

Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) mempelawa anda yang berkeelayakan, dinamik dan berpandangan jauh untuk mengisi kekosongan jawatan pentadbiran secara **KONTRAK**.

A. KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL

Bil.	Jawatan	Kekosongan
1.	Juruukur Bahan Gred J9	1

B. KUMPULAN PELAKSANA

Bil.	Jawatan	Kekosongan
1.	Penolong Pegawai Senibina Gred JA5	2
2.	Penolong Juruukur Bahan Gred JA5	1
3.	Pembantu Tadbir (Perkeranian Dan Operasi) Gred N1	10

SYARAT-SYARAT KEWARGANEGARAAN DAN UMUR

Pemohon hendaklah terdiri daripada warganegara Malaysia dan berumur tidak kurang daripada lapan belas (18) tahun pada tarikh iklan ditutup.

SYARAT-SYARAT LANTIKAN KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL

1. JURUUKUR BAHAN GRED J9

Gred	Gaji Minimum (RM)	Gaji Maksimum (RM)	Kenaikan Gaji Tahunan (RM)
9	2,250.00	11,110.00	225.00

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut;

SYARAT LANTIKAN

- (a) (i) Ijazah Sarjana Muda Ukur Bahan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; **dan**
- (ii) Berdaftar sebagai Juruukur Bahan Siswazah dengan Lembaga Juruukur Bahan Malaysia.
(Gaji permulaan ialah pada Gred J9: RM2,690.00).

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

- (b) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT-SYARAT LANTIKAN KUMPULAN PELAKSANA

1. PENOLONG PEGAWAI SENIBINA GRED JA5

Gred	Gaji Minimum (RM)	Gaji Maksimum (RM)	Kenaikan Gaji Tahunan (RM)
5	1,650.00	6,620.00	145.00

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut;

SYARAT LANTIKAN

- (a) (i) **Sijil Seni Bina** yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; **atau** (Gaji permulaan ialah pada Gred JA5: RM1,731.00)
- (ii) **Diploma Seni Bina** yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred JA5: RM2,055.00)

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

- (b) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

2. PENOLONG JURUUKUR BAHAN GRED JA5

Gred	Gaji Minimum (RM)	Gaji Maksimum (RM)	Kenaikan Gaji Tahunan (RM)
5	1,650.00	6,620.00	145.00

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut;

SYARAT LANTIKAN

- (a) (i) **Sijil Ukur Bahan** yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; **atau** (Gaji permulaan ialah pada Gred JA5: RM1,731.00).
- (ii) **Diploma Ukur Bahan** yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred JA5: RM2,055.00).

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

- (b) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3. PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI) GRED N1

Gred	Gaji Minimum (RM)	Gaji Maksimum (RM)	Kenaikan Gaji Tahunan (RM)
1	1,500.00	4,680.00	100.00

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

SYARAT LANTIKAN

- (a) (i) **Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)** atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N1: RM1,500.00); **atau**
- (ii) **Sijil Vokasional Malaysia (SVM)** dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N1: RM1,500.00); **atau**
- (iii) **Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)** atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya **dan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2** dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N1: RM1,561.00); **atau**
- (iv) **Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)** atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya **dan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3** dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N1: RM1,622.00).

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

- (b) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

PERMOHONAN

1. Prosedur Permohonan

Pemohon hendaklah memohon melalui borang permohonan jawatan pentadbiran secara dalam talian (eRecruitUNIMAS) yang boleh dicapai melalui pautan berikut: <https://erecruit.ia.unimas.my>

2. Tempoh Permohonan

Permohonan ini dibuka mulai **7 September 2026 – 17 September 2026**

KETERANGAN AM

1. Senarai sijil-sijil yang perlu dimuatnaik oleh pemohon

1.1. Pemohon tidak perlu menghantar sebarang dokumen **tetapi** perlu memuat naik salinan **kesemua** sijil-sijil berkaitan mengikut keperluan eRecruitUNIMAS seperti berikut:

- a) Gambar yang bersesuaian;
- b) Kad Pengenalan;
- c) Sijil Kelahiran;
- d) Sijil-sijil akademik yang berkenaan beserta transkrip;
 - i. SPM/setaraf;
 - ii. STPM/Diploma;
 - iii. Ijazah Sarjana Muda; dan
- e) Sijil-sijil atau dokumen lain yang berkaitan; dan
- f) Resume terkini yang mempunyai gambar.

1.2. Kegagalan untuk memuat naik sijil-sijil akademik/sijil berkaitan seperti pada para 1.1 di atas dianggap tidak melengkapkan permohonan dan permohonan tidak akan diproses.

2. Makluman kepada pemohon

- 2.1. **HANYA** calon yang berjaya sahaja akan dihubungi untuk ke tapisan selanjutnya.
- 2.2. Pemohon yang tidak menerima sebarang maklum balas selepas **enam (6) bulan** dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan tersebut **tidak berjaya**.

3. Pertanyaan

- 3.1. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan lanjut, hubungi kami di talian 082-581139/58/2337 atau emel ke hcms@unimas.my.

SEMAKAN

1. Syarat Kelayakan Sijil Pelajaran Malaysia

Bagi tujuan pelantikan ke perkhidmatan awam, calon yang memohon jawatan yang mensyaratkan kelayakan masuk Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) perlu memiliki sekurang-kurangnya keputusan berikut:

- i. Lulus enam mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu, dengan dua daripada mata pelajaran adalah di peringkat Kepujian dan selebihnya peringkat Lulus dalam satu peperiksaan; **atau**
- ii. Lulus enam mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu, dengan dua mata pelajaran adalah di peringkat Kepujian dan selebihnya peringkat Lulus yang dikumpulkan dalam dua peperiksaan dalam tempoh tiga tahun berturut-turut; **dan**
- iii. Memenuhi syarat kelayakan Kepujian iaitu bagi subjek Bahasa Melayu dan subjek-subjek tertentu seperti mana yang disyaratkan dalam skim perkhidmatan.

2. Kelayakan Akademik (Diploma/Ijazah Sarjana Muda/Ijazah Sarjana)

Calon dinasihatkan untuk membuat semakan terhadap status kelayakan sijil akademik dengan melayari portal di bawah dan sila lampirkan pengiktirafan kelayakan dari MQA bersama sijil akademik berkaitan.

<https://www2.mqa.gov.my/esisraf/kelayakan.cfm>

3. Hal-Hal Lain

- i. Calon perlu memilih jawatan yang bersesuaian dengan kelayakan akademik dan syarat kelayakan jawatan yang dipohon. Sila rujuk iklan kekosongan jawatan (perincian iklan) untuk mengetahui syarat-syarat lantikan yang ditetapkan.
- ii. **Calon dimohon untuk mengisi maklumat akademik selengkapnya bersama salinan sijil yang dimuat naik untuk semakan seperti mana syarat lantikan (SPM/Diploma/Ijazah Sarjana Muda). Sekiranya calon gagal berbuat demikian, permohonan tidak akan diproses untuk ke peringkat seterusnya.**